

## **Penggunaan DNA Bagi Penentuan Nasab *al-Walad Li al- Firasy* dalam Peruntukan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia**

Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda  
Siti Khatijah Ismail  
Najmiah Omar

### **Abstrak**

Doktrin *al-walad lil firasy* merupakan antara mekanisme pensabitan nasab di dalam Islam. Ia membawa maksud seseorang anak yang dilahirkan daripada ikatan perkahwinan adalah dianggap sebagai sah taraf. Peruntukan undang-undang keluarga di Malaysia juga mengambil kaedah ini dalam mensabitan kesahatarafan anak berdasarkan peruntukan seksyen 109 Akta 303. Walau bagaimanapun, artikel ini akan membincangkan keperluan penggunaan aplikasi teknologi moden melalui penyelidikan *Deoxyribonucleic acid* (DNA) oleh mahkamah Syariah sebagai satu mekanisme alternatif yang konkrit dan tepat bagi menentukan hubungan biologi antara seseorang individu dengan induknya. Bagi memenuhi objektif ini, kaedah analisis dokumen melalui sorotan kitab-kitab fiqh yang berautoriti telah digunakan. Rujukan juga dibuat kepada peruntukan Undang-undang Keluarga Islam. Hasil kajian menunjukkan, bagi menjaga ketinggian kedudukan nasab di dalam Islam, peruntukan perundangan keluarga Islam sewajarnya menyatakan dengan jelas akan keperluan pengesahan melalui DNA dalam mensabitan kesahatarafan anak.

Kata kunci: penentuan nasab; doktrin *al-walad lil firasy*; peruntukan ujian DNA.

### **Abstract**

*One of the Dharuriyyat al-Khamsah in maqasid as-syar'iyyah is to protect the lineage (nasab). Among the mechanisms used under the Islamic law to determine lineage is by the application of the doctrine of al-walad lil firasy (the child belongs to the 'owner of the bed' i.e a valid marriage). Nevertheless, of late, the application of modern technology through research of Deoxyribonucleic acid (DNA) is proven to be an accurate alternative in order to determine the biological relationship between an individual with the parent. This article attempts to identify the classical authority on this doctrine and the urgency to clearly recognize application of DNA tests in support of the doctrine. It also seeks to see existing law in Malaysia and decided cases on the issue of determining nasab. To meet these objectives, the document analysis method is used to analyse the authority on this doctrine as discussed in the classical books of fiqh. Apart from that, reference to the provisions in the Islamic Family Law Act is also made to achieve the objective. Among the findings of the research is that there is a crucial*

*need for the application of DNA testing in establishing lineage. Since Islam has put a great emphasis on the protection of lineage, the current law on determining parentage of a child should be considered for a reform.*

**Keyword:** establishment of nasab; doctrine of al-walad lil firsasy; provision on DNA test.

## Pendahuluan

Penentuan nasab dalam Islam merupakan suatu yang sangat penting, dan keperluan memeliharanya termasuk dalam salah satu objektif syariah. Bagi merealisasikan objektif ini syarak telah menggalakkan perkahwinan, mengharamkan zina (al-Badawiy 2000, 126) di samping mengenakan hukuman qazaf dan li'an. Imam Syirbini (1958, 2: 259) dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj* mentakrifkan nasab sebagai satu hubungan sesama insan yang disandarkan kepada bapa dan datuk. Perbincangan tentang nasab oleh ulama dan ahli fiqh Islam biasanya terdapat di dalam bab *thubut al-nasab*, bab *an-nikah*, bab *at-talaq* dan juga *bab al-laqit* (anak terbuang). Melalui perbincangan ini, tuntutan untuk memelihara nasab adalah sangat signifikan, dan dapat diperjelaskan dengan melihat kepada kesan-kesan penentuan nasab kepada keturunan, pewalian, pewarisan, batas pergaulan, nafkah dan juga perkahwinan (al-Ashqar 2003, 480). Firman Allah s.w.t.:

أَدْعُوهُمْ لِأَبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ

Maksudnya:

Panggillah anak-anak angkat itu dengan berbinkan kepada bapa-bapa mereka sendiri, cara itulah yang lebih adil di sisi Allah.

(al-Ahzaab: 5)

Dan begitu juga dengan firman Allah:

وَأُولُوا الْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ

Maksudnya:

Dan orang-orang yang mempunyai pertalian kerabat, setengahnya lebih berhak mewarisi) akan setengahnya yang lain menurut (hukum) kitab Allah.

(al-Ahzaab: 6)

Berpandukan perincian nas-nas al-Quran dan hadith yang sahih, terdapat beberapa mekanisme untuk penentuan nasab yang disepakati oleh para ulama iaitu *firsasy*, pengakuan dan penyaksian. Walau bagaimanapun, aplikasi DNA sebagai satu penemuan sains dan kedudukannya dalam penentuan nasab telah pun dibahaskan dan dipersetujui oleh sarjana dan ilmuan Islam sebagaimana yang akan dibincangkan dalam kertas ini. DNA atau *Deoxyribonucleic acid* merupakan komponen kimia utama kromosom yang menghasilkan gen. Dalam organisma hidup, maklumat genetik disimpan dalam kromosom yang dibentuk daripada molekul DNA dan sejenis protein yang dikenali sebagai histon. Oleh itu DNA kadang kala dipanggil molekul warisan, kerana DNA boleh mewariskan sifat-sifat organisma induk iaitu ibu bapa. Dalam proses pembiakan, DNA bereplikasi dan hasilnya dipindahkan kepada zuriat. Melalui perkembangan bidang kejuruteraan genetik, hubungan antara induk dan anaknya akan dapat dipastikan (Calladine & Drew 1997, 28-36).

Selaras dengan itu kertas ini bertujuan untuk melihat sejauh mana ketersediaan peruntukan undang-undang berkaitan pensabitan nasab di bawah undang-undang keluarga Islam di Malaysia, sekaligus menekankan kepentingan untuk mengambilkira perkembangan

sains khususnya aplikasi perincian biologi melalui DNA sebagai satu mekanisme pensabitan nasab yang konkrit. Justeru, dengan menggunakan kaedah dokumen analisis, artikel ini akan menjelaskan perbincangan ulama fiqh berkaitan penggunaan kaedah atau doktrin *al-walad lil firasy* melalui sorotan kajian kitab yang berautoriti dalam bidang fiqh. Ia juga bertujuan bagi meneliti sama ada wujud kepentingan untuk menilai semula peruntukan undang-undang berkaitan nasab seperti yang digunapakai hari ini.

## Mekanisme Penentuan Nasab Melalui Doktrin al-Walad lil Firasy

Doktrin al-walad lil firasy merupakan satu konsep yang diambil daripada hadith Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. (الولد للفراش وللعاهر الحجر). As-Shawkani (t.th., 2399) dalam membincangkan hadith ini menyifatkan *al-aahir* sebagai merujuk kepada pezina lelaki tidak akan mendapat apa-apa kecuali batu iaitu kekecewaan atau *al-khibah*. Terdapat juga yang berpendapat 'batu' itu merujuk kepada hukuman rejam. Ia telah diputuskan sebagai kaedah yang sangat penting dalam pensabitan nasab kepada pemilik *firasy* iaitu merujuk kepada satu akad ikatan perkahwinan. Ia juga diterjemahkan sebagai merujuk kepada *al-mar-ah* iaitu perempuan tertentu yang melahirkan anaknya (Muhammad Uqlah 2002, 3: 387). Majoriti ulama telah meletakkan doktrin al-walad lil firasy sebagai salah satu daripada tiga mekanisme utama bagi penentuan nasab di samping penyaksian dan pengakuan. Secara literalnya hadith ini bermaksud bahawa anak yang dilahirkan di atas tilam yang dipunyai oleh pemiliknya adalah dianggap anaknya yang sah taraf.

Dalam hadith yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a. yang bermaksud: Berlaku pertelingkahan antara Sa'ad bin Abi Waqqas dan Abd bin Zam'ah tentang seorang kanak-kanak lelaki. Sa'ad berkata, 'Wahai Rasulullah, ini anak kepada saudara lelaki saya, Utbah bin Abi Waqqas. Lihatlah kepada persamaannya dengan Utbah bin Abi Waqqas'. Maka berkata Abd bin Zam'ah: 'Ini saudaraku wahai Rasulullah, anak kepada firasy bapaku dari ibunya (anak itu)'. Rasulullah melihat kepada anak itu dan melihat pula kepada persamaannya dengan Utbah. Maka berkata Rasulullah s.a.w., 'Dia adalah saudara lelaki kamu wahai Abd bin Zam'ah, berdasarkan anak adalah hak pemilik firasy, dan terhijablah Saudah binti Zam'ah dengan adanya anak lelaki itu.

Hadith yang seterusnya mengisahkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah didatangi seorang lelaki yang mengadu perihal isterinya yang telah melahirkan seorang bayi berkulit hitam. Lelaki itu menyatakan kemusykilannya tentang taraf dan nasab bayi yang dilahirkan oleh isterinya. Melalui dialog antara Rasulullah s.a.w. dan lelaki itu, baginda bertanya sama ada lelaki itu ada membela unta. Beliau menjawab, ya. Kemudian baginda bertanya apakah warna unta yang dimilikinya. Lelaki itu menjawab, coklat. Kemudian baginda bertanya lagi, adakah antara unta-untanya yang berwarna coklat itu terdapat unta yang berwarna kelabu. Lantas lelaki itu mengiyakannya. Baginda bertanya kepadanya, bagaimana hal itu boleh berlaku. Lelaki tersebut menjawab, kemungkinan ia berlaku disebabkan oleh baka/keturunan. Lalu baginda berkata kepada lelaki tersebut, boleh jadi juga bayi yang dilahirkan oleh isterinya itu berkulit hitam kerana disebabkan oleh baka atau keturunan nenek moyangnya'.

Hadith-hadith ini menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah mengiktiraf ciri-ciri genetik yang tersendiri bagi setiap individu boleh menjadi bukti kepada pewarisan dan pensabitan keturunan. Walau bagaimanapun, dalam mengunapakai doktrin ini, ulama mazhab telah menetapkan bahawa suami mestilah seorang yang berkemampuan melakukan hubungan kelamin untuk membolehkan isterinya mengandung, dan sudah mencapai usia baligh (Muhammad Syalabi 1977, 684). Mazhab Syafi'e, Maliki dan Hanbali juga mensyaratkan suami dan isteri mesti tinggal bersama sehingga memungkinkan kandungan itu berlaku. Langkah berhati-hati yang diambil oleh para ulama mazhab adalah bagi memastikan nasab diberikan kepada mereka yang berhak, dan kedudukan pemeliharaan

nasab ini begitu tinggi walaupun ikatan akad yang sebenarnya telah berlaku. Walau bagaimanapun, bersandarkan kepada doktrin al-walad lil firasy mazhab Hanafi mengambil pendekatan yang lebih longgar dengan tidak mensyaratkan suami isteri tinggal bersama, tetapi cukup dengan akad nikah sebagai satu ikatan yang mulia untuk membuktikan bahawa anak yang bakal dilahirkan adalah sah taraf (Muhammad Syalabi 1977, 685).

Dalam penentuan nasab juga, doktrin ini digunapakai untuk melihat kepada tempoh maksimum kandungan yang telah menjadi perselisihan dalam kalangan ulama. Mazhab Hanafi telah menghadkan tempoh maksimum kandungan kepada dua tahun. Menurut mazhab Syafi'e dan Hanbali, kandungan maksimum mesti tidak melebihi empat tahun, manakala Mazhab Maliki menetapkan kadar maksimum kandungan sehingga lima tahun (Muhammad Abu Zahrah 1950, 412).

### Penentuan Nasab Melalui DNA

Persoalan penggunaan DNA dalam kaedah penentuan nasab kini bukan sesuatu yang asing dan dilihat tidak menyalahi syariah kerana al-Quran sebagai panduan hidup telah meletakkan asas-asas dan kaedah umum dalam menyelesaikan hukum bagi perkara-perkara yang baru. Situasi ini selaras dengan sifat syariah Islam yang dinamis (Mahmood Zuhi et. al. 2004, 6) dan seiring dengan perubahan zaman.

Molekul DNA ini merupakan pangkalan data terpenting dalam sesuatu sel kehidupan. Gen pula adalah sub-unit kepada DNA tersebut yang berperanan dalam menentukan baka (Anuar et. al. 2001, 2: 138). Ringkasnya, gen adalah maklumat asas keturunan yang membezakan seorang individu dari yang lain, satu keturunan, kaum, masyarakat dan antara haiwan, tumbuhan dan manusia. Hal ini kerana gen adalah asas data baka yang membolehkan sel menjana protein. Melalui protein inilah yang mencorakkan setiap rupa bentuk fizikal, fisiologikal dan biokimia seseorang itu (Anuar et. al. 2001, 2: 138).

Kewujudan hubungkait antara al-Quran dan sains pula tidak boleh dinafikan apabila intipati al-Quran itu sendiri merupakan satu mukadimah saintifik tentang setiap aspek kehidupan ummah. Dalam banyak perkara ia jelas mementingkan pengulasan tepat dari sudut sains (Anuar et. al. 2001, 2: 132). Sebagai contoh, sebahagian daripada ayat-ayat al-Quran yang dianugerahkan kepada manusia banyak mengandungi rahsia sains yang tidak terjangkau oleh minda. Contohnya melalui proses pembentukan manusia yang bermula dari air benih menjadi sebuku darah beku sebagaimana dalam firman Allah:

ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظْمًا  
فَكَسَوْنَا الْعِظْمَ لَحْمًا ثُمَّ أَنشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ فَبَارَكُ اللَّهُ أَحْسَنَ الْخَالِقِينَ ﴿١٤﴾

Maksudnya:

Lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk Dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya.

(al-Mukminun: 14)

Kesempurnaan ciptaan Allah ini dapat dibuktikan dengan kewujudan DNA atau molekul yang mengandungi maklumat-maklumat genetik yang diwarisi daripada induk iaitu ibu dan bapa, dan merupakan unit asas kepada pewarisan. Oleh itu, antara aplikasi terhadap kajian DNA ialah menentukan keturunan atau nasab seseorang dengan melihat persamaan sifat-sifat genetik yang terdapat di dalam DNA mereka.

Umumnya perbincangan mengenai DNA ini tidak ditemui dalam perbincangan ulama-ulama silam. Namun, berpandukan nas-nas yang umum dan kaedah-kaedah fiqh, pelbagai

masalah kontemporari dapat ditentukan hukumnya. Begitu juga dengan perbahasan pengesahan DNA sebagai satu mekanisme alternatif dalam menentukan nasab. Ijmak ulama sepakat memutuskan bahawa tiga mekanisme seperti yang telah dinyatakan iaitu doktrin al-walad lil firasy, pengakuan dan penyaksian adalah mekanisme utama dalam penentuan nasab. Walau bagaimanapun, kebanyakan ulama meletakkan kedudukan DNA setaraf dengan *al-qiyafah (physiognomy)* iaitu melalui tafsiran mereka yang pakar tentang ilmu firasat salasilah. Namun, jika berlaku pertentangan antara al-qiyafah dan ujian makmal, perlu didahulukan pandangan pakar kerana ia terbukti dengan kajian sains yang tidak mungkin silap berbanding dengan al-qiyafah yang melalui proses anggapan sahaja (Muhammad Nasir 2005, 216-217).

Ulama kontemporari, al-Zaydan (1993, 9: 414) mengharuskan penentuan nasab anak yang dilahirkan kepada bapa dan ibunya apabila disabitkan oleh pakar perubatan bahawa darah anak mempunyai persamaan dengan darah ayah dan ibunya. Menurut beliau, apabila pakar perubatan telah mensabitkan wujud pertalian antara seorang individu dengan ibu bapanya melalui analisa makmal ke atas gen anak yang dilahirkan itu, anak itu boleh dinasabkan kepada ibu bapanya. Menurut Danial (2008, 12), sebagai satu agama yang saintifik, Islam menerima penemuan serta kajian yang sah dan autentik terutamanya dari sudut duniawi. Nabi Muhammad s.a.w. adalah contoh terbaik dalam aspek ini. Dalam aspek duniawi, Rasulullah s.a.w. begitu menghormati rumusan dan konklusi yang diputuskan berdasarkan pengamatan serta bukti yang sahih. Danial (2008, 17) juga menyatakan bahawa sains dalam Islam adalah sains yang berkonsepkan tauhid. Sains dalam Islam tunduk kepada prinsip-prinsip yang ditetapkan Allah melalui rasulnya. Sains dalam Islam tunduk kepada al-Quran. Menurut Danial (2008, 18) lagi, sains berkonsepkan tauhid melahirkan metodologi atau pendekatan yang mengambil kira syariat. Kepatuhan kepada syariat tidak menghalang kreativiti dan inovasi kerana kebebasan mengkaji sudah pun diberikan Islam berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud, "Kamu lebih tahu berkenaan urusan duniamu."

Umumnya kewujudan ujian DNA dilihat sebagai satu mekanisme baru yang lebih wajar diambil kira dalam penentuan nasab berbanding penggunaan al-qiyafah pada masa dahulu di samping kaedah-kaedah lain yang asas. Hal ini bertepatan dengan roh syariah Islam yang memenuhi segala keperluan masyarakat dan mengatasi segala masalah dalam semua keadaan dengan penyelesaian yang paling adil dan terbaik (al-Qardhawi 1985, 9-10).

## **Pemakaian Doktrin al-Walad lil Firasy dalam Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia**

Di Malaysia, undang-undang personal orang Islam dan adat istiadat adalah di bawah bidang kuasa Perundangan Negeri. Oleh itu, setiap negeri mempunyai undang-undang keluarga Islam masing-masing. Namun begitu, peruntukan antara setiap negeri tidak banyak berbeza, misalnya Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (selepas ini disebut Akta 303) yang menjadi model bagi peruntukan setiap negeri di Malaysia. Seksyen 110 Akta 303 memperuntukkan bahawa:

Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih daripada enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun qamariah selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh, dengan cara li'an atau kutukan, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan mahkamah.

Walaupun bagaimanapun dalam menentukan nasab kepada seseorang, mahkamah

biasanya akan melihat sama ada sesuatu perkahwinan itu telah diakad secara sah atau sebaliknya. Sekiranya mahkamah berpuas hati bahawa sesuatu perkahwinan itu adalah sah disisi syarak, persoalan kedua yang akan dilihat adalah tarikh kelahiran bayi berkenaan berdasarkan taqvim hijri. Untuk mensabitkan kesahtarafan anak, seseorang itu mesti telah dilahirkan melebihi enam bulan dua *lahzoh* (saat) dari tarikh akad nikah perkahwinan.

Dalam kes *Wan Azmi v Nik Salwani* JH (1415 H) 192, kes di Mahkamah Qadi Besar Kelantan dihadapan Yang Arif Dato' Haji Daud bin Muhammad, Yang Menuntut telah diakadnikahkan dengan Kena Tuntut pada 29 Jun 1987, dan kemudian mereka telah bercerai pada 21 Disember 1987 di Mahkamah Kadi, Jajahan Tumpat, Kelantan. Yang Kena Tuntut telah membuat tuntutan nafkah anak dan nafkah mengandung dari Yang Menuntut di Mahkamah Kadi, Jajahan Kota Bharu. Anak itu dilahirkan pada 18 Mac 1988, iaitu lapan bulan selepas tarikh perkahwinan. Yang Menuntut menafikan anak itu adalah anak kandungnya dan memohon perintah mengisytiharkan bahawa anak itu bukan anaknya. Mahkamah memutuskan, oleh kerana ada keterangan bahawa Yang Menuntut telah menyetubuhi Yang Kena Tuntut dan anak itu dilahirkan lebih dari enam bulan dari berlaku persetubuhan itu, anak itu hendaklah dianggap anak sah kepada Yang Menuntut. Bagi maksimum tempoh kelahiran, seksyen 111 memperuntukkan:

Jika anak itu dilahirkan lebih daripada empat tahun qamariah selepas perkahwinan itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, lelaki itu tidak boleh disifatkan sebagai bapa anak itu melainkan jika lelaki itu atau manamana warisnya menegaskan bahawa anak itu adalah anak lelaki itu.

Dalam kes *Ismail v Kalam* (1995) 10 JH 41 pihak menuntut telah menceraikan isterinya pada 28 September 1985. Seorang anak telah dilahirkan pada 23 September 1989. Oleh kerana jarak perceraian dari tarikh anak itu dilahirkan adalah lebih dari empat tahun, mahkamah memutuskan bahawa anak tersebut tidak boleh dinasabkan kepada bekas suami ibu anak tersebut. Jelas, dalam kes ini mahkamah telah mengambil kira peruntukan Akta yang memperuntukkan bahawa tempoh maksimum bagi kandungan untuk ditentukan nasab kepada suami ibunya adalah selama empat tahun qamariah. Persoalannya adakah jika bayi itu lahir selepas tiga tahun perceraian, mahkamah akan menggunakan seksyen 111 tanpa mengambil kira pandangan pakar perubatan atau kesahihan DNA antara anak dan bapa yang disangkakan?

Di Terengganu, seksyen 109 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam 1985 memperuntukkan bahawa:

Jika seorang perempuan yang berkahwin dengan seorang lelaki melahirkan seorang anak dalam masa enam bulan atau lebih dari tarikh perkahwinan itu, atau dalam jangka masa yang boleh diterima oleh Hukum Syara' selepas perkahwinan itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh menafikan, dengan cara li'an mengikut Hukum Syara', bahawa anak itu adalah anaknya'.


Terengganu mengambil langkah yang lebih fleksibel, tetapi mungkin menyebabkan kekeliruan dengan tidak menyatakan dengan jelas tempoh maksimum kelahiran selepas perceraian untuk membolehkan penentuan nasab kepada bekas suami. Walaupun mahkamah cenderung menggunakan pandangan empat mazhab, tetapi syarat-syarat bagi penggunaan doktrin itu perlu diambil kira dan dijaga. Dalam menggunakan doktrin al-walad lil firasy terutamanya dalam menetapkan tempoh maksimum kandungan, Mazhab Syafi'e, Maliki dan Hanbali telah mensyaratkan suami dan isteri mesti tinggal bersama sehingga memungkinkan kandungan itu berlaku. Langkah berhati-hati yang diambil oleh para ulama mazhab adalah bagi memastikan nasab diberikan kepada mereka yang berhak.

Selain itu, seksyen 12 Akta 303 turut memperuntukkan bahawa jika seorang

perempuan, yang tidak berkahwin semula, membuat satu pengakuan bahawa tempoh 'iddahnya telah tamat sama ada 'iddah itu adalah oleh sebab kematian atau perceraian dan perempuan itu kemudiannya melahirkan seorang anak, suami perempuan itu tidak boleh disifatkan sebagai bapa anak itu melainkan jika anak itu telah dilahirkan kurang daripada empat tahun qamariah dari tarikh perkahwinan itu dibubarkan oleh sebab kematian suaminya atau oleh sebab perceraian.

Undang-undang keterangan di Malaysia telah menerima pandangan pakar perubatan sebagai *qarinah* (bukti) berdasarkan peruntukan seksyen 33 dan 34 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561) yang memperuntukkan bahawa mahkamah boleh menerima pandangan pakar berkaitan penentuan nasab yang mana fakta yang diberi akan 'mengikat' mahkamah. Akan tetapi, dengan tiadanya peruntukan khusus yang mewajibkan pihak yang bertelingkah tentang penentuan nasab untuk mengambil ujian pengesahan DNA di bawah peruntukan undang-undang keluarga Islam yang terpakai sekarang akan membawa kepada kekeliruan dalam keturunan.

Berdasarkan undang-undang sedia ada, peruntukan undang-undang keluarga Islam di Malaysia tidak secara langsung menyebut tentang keperluan menjalani ujian DNA sebelum mahkamah mengambil apa-apa keputusan mensabitkan nasab kepada seseorang individu. Malah, dalam sistem kehakiman Islam saintis dapat digolongkan sebagai *ahlu al-zikr*, seperti firman Allah:



Maksudnya:

Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui.

(al-Anbiya': 7)

## Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa mahkamah perlu mempertimbangkan ujian DNA yang telah diperakui oleh pakar-pakar perubatan akan ketepatannya dalam menggunakan doktrin al-walad lil firasy bagi penentuan nasab, setaraf dengan kemuliaan nasab yang amat dititikberatkan dalam Islam. Walaupun peruntukan undang-undang keluarga Islam di Malaysia mengambilkira pandangan mazhab dalam menentukan nasab, peruntukan itu perlu diperkemas dengan adanya peruntukan mewajibkan ujian DNA dilakukan apabila terjadinya perselisihan tentang penentuan nasab, agar segala keraguan dapat dielakkan. Hal ini juga dapat mengelak daripada menasabkan seseorang kepada seseorang yang bukan bapanya yang jelas diharamkan dalam Islam.

Bersesuaian dengan kemuliaan nasab yang amat dituntut untuk dipelihara, maka mahkamah sebagai pemangkin institusi keadilan perlu mengambil langkah yang teliti dalam mensabitkan nasab kepada seseorang individu. Berdasarkan Akta 561 juga, keterangan dan pandangan pakar yang diiktiraf dan diterima oleh mahkamah sebagai *qarinah* dan salah satu cabang pembuktian dalam membuat keputusan perbicaraan.

Selain itu, walaupun syariat membezakan antara pensyariatan dan undang-undang ciptaan manusia, namun Islam tidak meletakkan halangan bagi mengaplikasi teknologi dan kemajuan sains dalam penentuan nasab, bahkan Islam sendiri menyuruh supaya kembali kepada pakar dalam menyelesaikan masalah semasa. Oleh itu, sesuai dengan kedudukan memelihara nasab dalam objektif syariah, maka satu pendekatan yang lebih komprehensif dan jitu mesti diambil oleh pihak mahkamah keadilan.

## Rujukan

- Abdullah Basmeih, 2002, *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Terj. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984
- Aldridge, Susan., 1996, *The Thread of Life: The Story of Genes and Genetic Engineering*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Anon., 1992, *Mawsu'ah Fiqhiyyah Kuwaitiyyah*, Jil. 23, Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa as-Shuun al-Islamiyyah.
- Anuar Zaini, 2001, *Kemajuan Sains dan Teknologi Kesannya Terhadap Perkembangan Hukum Islam Malaysia Kini dalam Hukum Islam Semasa*, Ulang cetak, APIUM: Kuala Lumpur.
- al-Ashqar, Muhammad Sulaiman., 2003, *Perbahasan Ijtihad di dalam Fikah Perubatan*, Terj. Mohd Fadzil Abu Bakar, Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- al-Badawiy, Yusof Ahmad Muhammad., 2000, *Maqasid al-Syari'ah 'Inda Ibn Taymiyyah*, Jordan: Dar al-Nafa'is.
- Calladine, C.R. & Drew, Horace R., 1997, *Understanding DNA: The Molecule and How It Works*, San Diego: Academic Press.
- Danial Zainal Abidin, 2008, *Quran Sainifik Meneroka Kecemerlangan Quran daripada Teropong Sains*, Ulang cetak, Kuala Lumpur: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 1985
- al-Ghamidi, Ali Ibnu Sa'eed., t.th., *Ikhtiyarat Ibn Qudamah al-Fiqhiyyah*, Jil. 3, Jeddah: Dar Toyiyah as-Saudiyyah.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abdullah bin Ahmad., 1996, *al-Mughni*, Jil. 8, Kaherah: Dar al-Hadith al-Qahirah.
- al-Jurjani, Ali bin Muhammad., 2003, *Kitab at-Ta'rifaat*, Beirut: Dar Ihya' at-Turath al-'Arabi.
- Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, 2004, *Fiqh Malaysia: Konsep dan Cabarannya dalam Fiqh Malaysia ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini*, Al-Baian Corporation: APIUM.
- Muhammad Abu Zahrah, 1950, *Ahwal as-Syakhsiyah*, Kaherah: Dar Fikr al-A'rabi.
- Muhammad Nasir Muhammad, 2005, *Al-Ithbat bil Khibrah*, Jordan: Dar an-Nafais.
- Muhammad Syalabi, 1977, *Ahkam al-Ushrah Fil Islam*, Lubnan: Dar an-Nahdah.
- Muhammad Uqlah, 2002, *Nizam al-Ushrah fil Islam*, Jil. 3, Maktabah ar-Risalah al-Hadithah.
- al-Qardhawi, Yusuf., 1985, *Awamil al-Sa'ah wa al-Murunah fi al-Syariah al-Islamiyyah*, Kaherah: Dar al-Sahwah.
- Shawkani, t.th., *Naylul Autaar*, Bab *Li'an*, Beirut: Darul Ibn Hazm.
- Syirbini, Muhammad bin Ahmad., 1958, *Mughni al-Muhtaj*, Jil. 2, Kaherah: Darul Fikr.
- al-Zaydan, Abdul Karim., 1993, *al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar'ah wa Bayt al-Muslim*, Jil. 9, Lubnan: Muassasah ar-Risalah.

TG. FATIMAH MULIANA TG.MUDA  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: tg\_fatihah@unisza.edu.my

SITI KHATIJAH ISMAIL  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: khatijah@unisza.edu.my

NAJMIAH OMAR  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: najmiah@unisza.edu.my